

Labur Raya 2022 (“Kempen”)

Terma & Syarat

Kelayakan

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Syarikat 197901003200 (47457-V)) (“ASNB”).
2. Kempen ini bermula pada 00:00 jam (GMT + 8) 1 Mei 2022 dan berakhir pada 23:59 jam (GMT + 8) 31 Julai 2022 (“Tempoh Kempen”). ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlaknya.
3. Kempen ini terbuka kepada pemegang unit ASNB sedia ada dan baharu kecuali semua kakitangan dan keluarga terdekat kepada kakitangan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) (“PNB”) termasuk tetapi tidak terhad kepada kakitangan PNB, ASNB, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (No. Pendaftaran 198801008611 (175967-W)), PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (No. Pendaftaran 200001015384 (517991-A)), PNB Research Institute Sdn. Berhad (No. Pendaftaran 198501007000 (139442-U)), dan juga mana-mana syarikat dan/atau entiti lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
4. Untuk layak menyertai Kempen ini, peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i. Peserta mestilah berusia lapan belas (18) tahun ke bawah dan merupakan pemegang Akaun Bijak/Remaja ASNB;
 - ii. Peserta mestilah layak melabur dalam Akaun Bijak Amanah Saham Bumiputera (“ASB”), Akaun Bijak Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (“ASB 3 Didik”) atau Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3);
 - iii. Peserta mestilah mempunyai pelaburan minima sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) dalam unit amanah ASB, ASB 3 Didik atau ASM 3;
 - iv. Pelaburan mestilah dibuat menerusi perkhidmatan portal myASNB, perbankan internet, ‘automated teller machine’ (“ATM”), atau di kaunter cawangan ASNB/ejen berdaftar ASNB; dan
 - v. Pelaburan mesti dibuat dalam Tempoh Kempen.
5. Tiada had penyertaan untuk setiap peserta.

Hadiah dan Pemilihan Pemenang

1. Untuk layak sebagai pemenang, peserta perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak ASNB.
2. Sebanyak lima (5) kategori hadiah boleh dimenangi (“Hadiah Kempen”) berdasarkan kategori-kategori berikut:
 - i. **Hadiah Utama**
 - a) Hadiah Kempen dalam bentuk “Junior Investment Plan” bertempoh dua (2) tahun bernilai Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) kepada sepuluh (10) pemenang yang membuat pelaburan permulaan atau tambahan sepanjang Tempoh Kempen.

- b) Seramai sepuluh orang (10) pemenang Hadiah Utama akan dipilih secara rawak melalui sistem yang diuruskan oleh pihak ASNB.

Jadual 1 – Perincian Hadiah

Bilangan Pemenang	Hadiah
10	“Junior Investment Plan” bernilai RM5,000*

*Amaun ini tertakluk kepada tempoh kontrak pelan pelaburan yang mana hadiah perlu dikekalkan dalam akaun Pemenang selama dua (2) tahun.

ii. Hadiah Kategori Pelaburan

- a) Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB, ASB 3 Didik atau ASM 3 bernilai Ringgit Malaysia Lima Ratus Ringgit (RM500.00) akan diberikan kepada seratus (100) pemenang yang membuat pelaburan permulaan atau tambahan dari Ringgit Malaysia Satu Ribu Satu (RM1,001) dan ke atas sepanjang Tempoh Kempen.
- b) Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB, ASB 3 Didik atau ASM 3 bernilai Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ringgit (RM250.00) akan diberikan kepada dua ratus (200) pemenang yang membuat pelaburan permulaan atau tambahan dari Ringgit Malaysia Lima Ratus Satu (RM501.00) ke atas sehingga Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) sepanjang Tempoh Kempen.
- c) Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB, ASB 3 Didik atau ASM 3 bernilai Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) akan diberikan kepada lima ratus (500) pemenang yang membuat pelaburan permulaan atau tambahan dari Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) dan ke bawah sepanjang Tempoh Kempen.
- d) Seramai lapan ratus (800) pemenang akan dipilih secara rawak melalui sistem yang diuruskan oleh pihak ASNB mengikut Kategori Pelaburan.
- e) Setiap peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) unit hadiah bagi Kategori Pelaburan sepanjang Tempoh Kempen. Jika pelaburan dilakukan lebih dari sekali, jumlah terkumpul pelaburan tambahan dalam Tempoh Kempen akan diambilkira untuk menentukan hadiah yang diterima peserta.

Jadual 2 – Perincian Hadiah

Jumlah Pelaburan	Bilangan Pemenang	Hadiah
RM1,001 ke atas	Satu Ratus (100)	Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)
RM501 – RM1,000	Dua Ratus (200)	Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250)
RM500 & ke bawah	Lima Ratus (500)	Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100)

iii. **Hadiah Rebat Auto Labur***

- a) Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB bernilai Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) akan diberikan kepada satu ribu (1,000) peserta terawal yang membuat pendaftaran Auto Labur untuk Akaun Bijak/Remaja sepanjang Tempoh Kempen.
- b) Seramai satu ribu (1,000) peserta terawal yang memenangi Hadiah Rebat Auto Labur masih boleh memenangi Hadiah Kategori Pelaburan dan Hadiah Utama sekiranya layak.

Jadual 3 – Perincian hadiah

Bilangan Pemenang	Hadiah
Satu ribu (1,000)	Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10)

*Auto Labur ialah perkhidmatan di portal myASNB yang membolehkan pelabur ASNB menetapkan pelaburan setiap bulan secara automatik untuk akaun sendiri, anak-anak (Akaun Bijak/Remaja) dan/atau pihak ketiga.

3. Hadiah dalam bentuk unit amanah dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak ASNB berhak secara mutlak untuk menukar mana-mana hadiah dengan nilai yang sama.
4. Pemenang-pemenang akan dimaklumkan serta dihubungi oleh pihak ASNB melalui mana-mana kaedah komunikasi yang bersesuaian. Senarai pemenang juga akan disiarkan di dalam laman web ASNB.

Lain-lain Terma & Syarat

1. Dengan menyertai Kempen ini, peserta telah bersetuju dengan terma dan syarat Kempen ini. Keputusan senarai pemenang adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
2. Peserta juga bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, peserta membenarkan ASNB untuk menggunakan gambar, nama dan butiran peribadi peserta, menurut peruntukan perundungan berkaitan untuk tujuan pentadbiran, pemasaran dan publisiti tanpa sebarang kos atau pampasan.
3. Semua pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah-hadiah dan Kempen ini.
4. Pihak ASNB berhak secara mutlak untuk membuat pindaan terhadap terma dan syarat Kempen menggunakan apa-apa kaedah yang difikir sesuai oleh ASNB tanpa membuat apa-apa kenyataan kepada mana-mana pihak.
5. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerugian yang ditanggung oleh peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan peserta dalam Kempen ini.

6. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerugian yang ditanggung oleh peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan peserta dalam Kempen ini sekiranya berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, perperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, pandemik, kemarau, rebut, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian di luar kawalan ASNB.
7. Terma dan syarat Kempen ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia.
8. Terma dan syarat Kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.

25/04/2022